

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG - BN ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN (NO. 23)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah langkah-langkah untuk meningkatkan kualiti kepimpinan belia daerah seluruh negara. Berapakah peruntukan satu tahun diberikan kepada Pejabat Belia Daerah untuk program seperti ini.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan telah melaksanakan program-program kepimpinan di peringkat daerah seperti Kursus Kepimpinan Organisasi, Majlis Perundingan Belia Daerah dan Anugerah Remaja Perdana Daerah.
2. Anggaran keseluruhan peruntukan bagi pelaksanaan program-program tersebut di seluruh Malaysia adalah berjumlah RM9 juta. Peruntukan ini adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan semasa.

Sekian, terima kasih.